



SIJIL IKHLAS FIRE PROTECT TAKAFUL

Kontrak Takaful Pengguna (Pelan Takaful yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Peserta Takaful)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan jawapan yang diberikan oleh Peserta Takaful di dalam borang cadangan/ permohonan (atau ketika Peserta Takaful memohon Takaful ini) dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh Peserta Takaful semasa penyerahan permohonan/ cadangan Peserta Takaful (atau ketika Peserta Takaful memohon Takaful ini) dan semasa kontrak ini dimeterai. Jawapan dan maklumat oleh Peserta Takaful akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Peserta Takaful dan **Takaful Ikhlas General Berhad** (selepas ini disebut "Syarikat"). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan maklumat yang diberikan Peserta Takaful, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful yang dipersetujui oleh Peserta Takaful dan Syarikat

Kontrak Takaful Komersial (Pelan Takaful yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Peserta Takaful)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan berpandukan kepada jawapan yang diberikan oleh Peserta Takaful dalam borang cadangan/permohonan (atau ketika Peserta Takaful memohon untuk Takaful ini) dan apa-apa kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta Takaful pada atau ketika penyerahan permohonan / cadangan Peserta Takaful (atau ketika Peserta Takaful memohon untuk Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan segala kenyataan yang telah dikemukakan oleh Peserta Takaful akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful ini di antara Peserta Takaful dan **Takaful Ikhlas General Berhad** (selepas ini disebut "Syarikat"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan atau dalam apa-apa pendedahan yang dibuat oleh Peserta Takaful, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang dipersetujui antara Peserta Takaful dan Syarikat

Di mana Peserta Takaful yang dinamakan di dalam Jadual dengan ini telah membuat perjanjian kepada Syarikat, satu Cadangan bertulis dengan melengkapkan soalan-soalan yang, bersama-sama dengan kenyataan lain yang dibuat secara bertulis oleh Peserta Takaful bagi tujuan Sijil Takaful ini, dianggap disertakan di sini.

Dengan bersaksikan Sijil Takaful ini, tertakluk kepada Peserta Takaful yang telah membayar kepada Syarikat Sumbangan Takaful yang dinyatakan dalam Jadual dan tertakluk kepada terma, pengecualian, peruntukan dan syarat yang terkandung atau diendorskan di sini, Syarikat akan memberikan ganti rugi kepada Peserta Takaful dalam cara dan had yang diperuntukkan.

ASAS TAKAFUL

Pihak Syarikat dengan ini bersetuju dengan Peserta Takaful bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual atau dalam mana-mana tempoh berikutnya yang Peserta Takaful membayar dan Syarikat boleh menerima Sumbangan Takaful untuk pembaharuan Sijil Takaful ini, Harta Dilindungi yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut atau mana-mana bahagian harta tersebut musnahkan atau rosak disebabkan oleh **KEBAKARAN** atau **KILAT**, Syarikat akan membayar atau mengganti kepada Peserta Takaful nilai sebenar Harta yang Dilindungi pada masa kemusnahan atau jumlah sebenar kerosakan.

PENGECUALIAN

1. Sijil Takaful ini tidak merancang untuk dan tidak melindungi:
 - (a) Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selaras dengan Pengecualian 2(f)) atau melalui proses menjalani pemanasan atau pengeringan
 - (b) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran harta melalui perintah mana-mana pihak berkuasa awam.
 - (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada kebakaran bawah tanah
 - (d) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang merupakan akibat atau yang antaranya disebabkan oleh bahan senjata nuklear.
 - (e) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses yang mampan diri pembelahan nuklear.
2. Melainkan dinyatakan sebaliknya secara khusus di dalam Sijil Takaful ini tidak melindungi:
 - (a) Barangan yang dipegang atas amanah atau berasaskan komisen.
 - (b) Jongkong emas atau permata berharga belum berikat.
 - (c) Sebarang barang aneh atau hasil kerja seni bagi jumlah melebihi RM500.
 - (d) Manuskrip, pelan, lukisan, atau rekaan, corak, model atau acuan.

- (e) Sebarang jenis sekuriti, tanggungan atau dokumen, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer.
 - (f) Batu arang, daripada kerugian atau kerosakan yang berlaku disebabkan oleh pembakaran secara tiba-tiba.
 - (g) Bahan letupan.
 - (h) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada letupan; tetapi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan gas yang digunakan untuk pencahayaan atau tujuan domestik dalam bangunan yang tidak memiliki bekalan gas dan tidak membentuk sebahagian daripada mana-mana kerja gas, akan dianggap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dalam erti kata Sijil Takaful ini
 - (i) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada pembakaran hutan, belukar, lalang, padang rumput, pampas atau rimba, sama ada tidak disengajakan atau sebaliknya, dan pemugaran tanah secara pembakaran.
3. Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau menerusi, yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana daripada kejadian berikut, iaitu
- (a) Gempa bumi, letupan gunung berapi atau atau gegaran alam yang lain.
 - (b) Taufan, hurikan, puting beliung, silkon atau gangguan atmosfera lain.
 - (c) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
 - (d) Dahagi, rusuhan, ketenteraan atau kebangkitan awam, insurreksi, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasam kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau sebarang peristiwa atau sebab di mana untuk menentukan atau membaiki terhadap pasukan ketenteraan atau operasi ketenteraan di sesebuah kawasan.
 - (e) Sebarang kegiatan keganasan

Untuk tujuan ini tindakan keganasan membawa maksud tindakan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan dan/atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, atau berkaitan dengan politik, agama, ideologi atau seumpamanya, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.

Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kejadian yang tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, melainkan setakat mana yang anda dapat membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah berlaku secara berasingan daripada keadaan luar biasa tersebut.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila Syarikat mendakwa bahawa sebab peruntukan dalam syarat ini apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Peserta Takaful.

4. Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang liabiliti bagi:
- Kerugian akibat kemusnahan atau kerosakan disebabkan pencemaran atau kontaminasi kecuali (melainkan dikecualikan) kemusnahan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi adalah disebabkan oleh:
- (a) pencemaran atau kontaminasi yang dengan sendirinya adalah akibat kejadian luar jangka yang dilindungi.
 - (b) sebarang kejadian luar jangka yang dilindungi yang dengan sendirinya adalah akibat daripada pencemaran atau kontaminasi.
5. Sijil Takaful ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta yang, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian, dilindungi oleh atau jika tidak kerana kewujudan Sijil Takaful ini, dilindungi oleh mana-mana Sijil Marin atau Polisi kecuali berkenaan sebarang Ekses yang melebihi jumlah yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Marin atau Polisi bila mana Takaful ini tidak dikuat kuasakan.

SYARAT-SYARAT

Borang Cadangan termasuk semua Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Sijil Takaful Pengguna dan untuk Sijil Takaful Komersial. Kedua-duanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

A. Kontrak Takaful Pengguna

Apabila Anda telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan

dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) iaitu Anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Takaful Komersial

Apabila Anda telah memohon untuk Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang boleh mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan, dan apa-apa perkara seorang yang munasabah patut tahu sebagai relevan yang boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk segera memberitahu Kami sekiranya setelah kontrak Takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. NOTIS

Sebarang notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah Sijil Takaful ini hendaklah diserahkan secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat. Tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini boleh menjadi sah melainkan jika diluluskan oleh Syarikat dan telah disahkan oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

3. SALAH NYATA

Jika terdapat salah nyata material berkaitan harta yang dilindungi, atau apa-apa bangunan atau tempat yang terkandung di dalamnya harta tersebut, atau sebarang gambaran yang salah mengenai apa-apa fakta material yang perlu diketahui bagi menganggar risiko, atau sebarang peninggalan untuk menyatakan fakta tersebut, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas Sijil Takaful ini berkaitan dengan sebarang salah nyata, gambaran atau peninggalan tersebut.

4. BAYARAN SUMBANGAN TAKAFUL

Tidak ada bayaran berhubung dengan apa-apa Sumbangan Takaful boleh dianggap sebagai bayaran kepada pihak Syarikat kecuali resit dalam bentuk bercetak yang ditandatangani oleh seorang Pegawai atau Ejen yang dilantik secara sah oleh pihak Syarikat telah diberikan kepada Peserta Takaful.

5. NOTIS TERHADAP TAKAFUL/ INSURANS LAIN

Peserta Takaful hendaklah memberi notis kepada Syarikat tentang apa-apa Takaful atau Insurans yang berkuat kuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuat kuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dilindungi, dan kecuali notis sedemikian diberikan dan butir-butir Takaful atau apa-apa Insurans sedemikian dinyatakan atau diendorskan di dalam Sijil Takaful ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, semua manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

6. TAKAFUL/ INSURANS LAIN

Jika terdapat sebarang Takaful/ Insurans lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, pihak Syarikat hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

7. RUNTUHAN ATAU PEMINDAHAN BANGUNAN

Semua perlindungan di bawah Sijil Takaful ini

- (1) atas mana-mana bangunan atau sebahagian daripada mana-mana bangunan,
- (2) atas mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,
- (3) ke atas sewa atau perkara lain berkenaan Takaful dengan atau berkaitan dengan mana-mana bangunan atau mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,

akan terhenti serta-merta apabila berlaku apa-apa kejatuhan atau pemindahan

- (a) bangunan itu atau mana-mana bahagiannya,
- (b) keseluruhan atau mana-mana bahagian jenis bangunan atau mana-mana struktur yang menjadi sebahagian bangunan itu,

DENGAN SYARAT bahawa runtunan atau pemindahan bangunan tersebut adalah keseluruhan atau sebahagian besar atau bahagian penting bangunan tersebut atau mengurangkan kegunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau meninggalkan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau harta benda yang terkandung di dalamnya tertakluk kepada peningkatan risiko kebakaran atau bahan selainnya.

DAN DENGAN SYARAT bahawa runtunan atau pemindahan tidak disebabkan oleh kebakaran, kerugian atau kerosakan yang mana dilindungi oleh Sijil Takaful ini atau akan dilindungi jika bangunan tersebut, deretan bangunan atau struktur yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, beban untuk membuktikan bahawa sebarang runtunan atau pemindahan yang disebabkan oleh kebakaran sebagai mana tersebut di atas hendaklah terletak ke atas Peserta Takaful.

8. PERTUKARAN DAN PEMINDAHAN

Di bawah mana-mana keadaan berikut, Sijil Takaful ini tidak lagi melindungi harta benda terbabit melainkan Peserta Takaful, sebelum berlaku sebarang kerugian atau kerosakan, mendapatkan persetujuan daripada pihak Syarikat, menerusi Endorsmen ke atas Sijil Takaful ini, oleh atau bagi pihak Syarikat.

- (a) Jika perdagangan atau pengilangan yang dijalankan ditukar, atau jika jenis pekerjaan atau keadaan lain membabitkan bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi ditukar dengan cara yang boleh meningkatkan risiko kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran.
- (b) Jika bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi tidak diduduki dan kekal dalam keadaan sedemikian untuk tempoh melebihi tiga puluh (30) hari.
- (c) Jika harta benda yang dilindungi dipindahkan ke mana-mana bangunan atau tempat selain daripada yang dinyatakan sebagai dilindungi di dalam ini.
- (d) Jika kepentingan terhadap harta benda yang dilindungi berpindah daripada Peserta Takaful selain daripada disebabkan wasiat atau penguatkuasaan undang-undang.
- (e) Jika notis pindah atas perintah Pihak Berkuasa tempatan untuk pengambilan atau pemerolehan tanah yang menempatkan harta benda yang dilindungi telah dikeluarkan.

9. PEMBATALAN

Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta Takaful, di mana pihak Syarikat akan membayar wang pulangan Sumbangan Takaful mengikut kaedah pro rata untuk tempoh yang belum luput. Sijil Takaful ini juga boleh ditamatkan atas sebarang sebab menurut pilihan pihak Syarikat dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta Takaful di alamat terakhir yang diketahui. Dalam keadaan ini, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik kerugian-kerugian yang tertanggung seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Nota: Yuran pengurusan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Peserta Takaful.

10. PERBELANJAAN

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

11. PEMBERITAHUAN TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan Peserta Takaful hendaklah memberikan notis serta merta mengenainya kepada pihak Syarikat dan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlaku kerugian atau kerosakan, atau tempoh lanjutan yang pihak Syarikat benarkan secara bertulis untuk tujuan tersebut, hendaklah menghantar kepada pihak Syarikat

- (a) Tuntutan secara bertulis bagi kerugian atau kerosakan, mengandungi butiran teliti yang dibuat dengan wajar dan munasabah kesemua barangan atau item harta benda yang rosak atau musnah, dan jumlah kerugian atau kerosakan masing-masing, berasaskan nilai pada masa kerugian atau kerosakan, tidak termasuk sebarang jenis keuntungan; dan
- (b) Butiran semua Takaful/Insurans lain, jika ada.

Peserta Takaful hendaklah juga pada setiap masa atas perbelanjaan diri sendiri, mengemukakan, mendapatkan dan memberikan kepada pihak Syarikat kesemua butiran lanjut, pelan, spesifikasi, buku, baucar, invois, pendua atau salinannya, dokumen, bukti dan maklumat berkaitan tuntutan serta punca dan sebab kebakaran dan keadaan yang mencetuskan kerugian atau kerosakan yang berlaku, dan sebarang perkara yang menyentuh liabiliti atau jumlah liabiliti pihak Syarikat yang secara munasabah diperlukan oleh atau bagi pihak Syarikat bersama dengan akuan bersumpah atau dalam bentuk lain yang sah di sisi undang-undang tentang kebenaran tuntutan dan tentang sebarang perkara berkaitan dengannya.

Tiada tuntutan di bawah Sijil Takaful ini akan dibayar melainkan terma syarat ini telah dipatuhi.

12. PELEPASAN PENERIMAAN

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

13. PERLUASAN

Sijil Takaful ini diluaskan untuk meliputi:

- (a) Kerugian disebabkan KECURIAN semasa atau selepas berlakunya kebakaran atau apa-apa Peril lain yang dilindungi sehingga masa pembersihan puing dan / atau pelupusan harta yang dilindungi yang akan dijalankan dengan penghantaran yang sesuai dan lengkap

DENGAN SYARAT Peserta Takaful hendaklah sentiasa mengambil segala langkah berjaga-jaga yang sesuai untuk melindungi harta yang dilindungi dan liabiliti maksimum Syarikat tidak akan melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan Amaun Perlindungan atau RM400,000 yang mana lebih rendah untuk mana-mana satu (1) kejadian dan dalam agregat mana-mana satu (1) Tempoh Takaful

- (b) (i) gaji kakitangan Peserta Takaful selain anggota pasukan bomba sepenuh masa.
(ii) kos menggantikan peralatan memadam api dan kemusnahan atau kerosakan kepada bahan-bahan (termasuk pakaian dan barangan peribadi kakitangan) melainkan jika dilindungi secara khusus.
(iii) caj yang dikenakan oleh pasukan bomba.

DENGAN SYARAT liabiliti pihak Syarikat berhubung dengan gaji, kos dan caj tersebut hendaklah terhad kepada perbelanjaan yang perlu dan munasabah untuk ditanggung dalam memadamkan kebakaran di lokasi atau bersebelahan harta yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini atau yang secara nyata mengancam harta tersebut.

14. KESELURUHAN AMAUN PERLINDUNGAN

Liabiliti pihak Syarikat dalam apa-apa keadaan sekalipun tidak boleh melebihi Amaun Perlindungan berkenaan dengan setiap perkara yang dinyatakan di dalam Jadual atau dalam keseluruhan Amaun Perlindungan ini atau apa-apa jumlah wang atau jumlah wang lain yang boleh diganti dengannya melalui Endorsmen ke atasnya atau dilampirkan kepada perjanjian ini dan ditandatangani oleh atau bagi pihak Syarikat.

15. HAK UNTUK MEMASUKI

Apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini, Syarikat boleh:

- (a) Memasuki dan mengambil dan memegang hak milik bangunan atau Premis di mana kerugian atau kerosakan telah berlaku.
(b) Mengambil atau meminta penghantaran mana-mana harta benda Peserta Takaful di dalam bangunan atau di dalam Premis pada masa berlaku kerugian atau kerosakan.
(c) Menyimpan sebarang harta benda sedemikian dan memeriksa, menyusun, mengatur, mengeluarkan, mengendalikan atau selainnya berurusan dengan yang sama.
(d) Menjual mana-mana harta benda tersebut atau melupuskannya bagi pihak yang berkenaan.

Kuasa yang diberikan oleh Syarat ini boleh digunakan oleh Syarikat pada bila-bila masa hingga notis bertulis diberikan oleh Peserta Takaful bahawa beliau tidak membuat sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini atau, jika sebarang tuntutan dibuat, sehingga tuntutan tersebut akhirnya ditentukan atau ditarik balik, dan Syarikat tidak akan menerusi sebarang tindakan yang dilakukan untuk menggunakan atau dianggap menggunakan kuasa di bawah ini, menanggung sebarang liabiliti kepada Peserta Takaful atau mengurangkan hak untuk bergantung kepada mana-mana syarat Sijil Takaful ini bagi menangani sebarang tuntutan.

Jika Peserta Takaful atau sesiapa bagi pihak beliau tidak mematuhi keperluan Syarikat atau menyekat atau menghalang Syarikat daripada melaksanakan kuasanya di bawah ini, semua Manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

Peserta Takaful dalam apa-apa keadaan sekalipun tidak berhak untuk meninggalkan mana-mana harta kepada pihak Syarikat sama ada telah diambil milik oleh pihak Syarikat atau tidak.

16. PENIPUAN

Jika tuntutan yang dibuat didapati melibatkan penipuan dalam apa jua hal, atau jika sebarang perakuan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika sebarang cara atau kaedah melibatkan penipuan digunakan oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak beliau untuk mendapatkan sebarang Manfaat di bawah Sijil Takaful ini; atau, jika kerugian atau kerosakan adalah disebabkan oleh tindakan disengajakan, atau dengan kerjasama Peserta Takaful; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan tindakan atau saman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan, atau (dalam kes membabitkan Penimbangtaraan) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbang Tara atau para Penimbang Tara membuat keputusan, semua Manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

17. MEMBAIK PULIH DAN PENGGANTIAN

Pihak Syarikat boleh atas pilihannya untuk memulihkan atau menggantikan harta benda yang rosak atau musnah, atau mana-mana bahagiannya, dan bukan membayar jumlah kerugian atau kerosakan, atau menyertai mana-mana Pengendali Takaful atau

Pengeluar Insurans lain dalam berbuat demikian; tetapi pihak Syarikat tidak terikat untuk memulihkan betul-betul seperti yang asal atau sepenuhnya, tetapi hanya seperti yang dibenarkan oleh keadaan dan dengan cara yang secukupnya dan sewajarnya, dan dalam apa jua keadaan pihak Syarikat tidak terikat untuk membelanjakan lebih daripada kos yang sepatutnya untuk memulihkan harta benda kepada keadaan pada masa kerugian atau kerosakan berlaku, mahupun lebih daripada Amaun Perlindungan oleh pihak Syarikat.

Jika pihak Syarikat membuat keputusan untuk memulihkan atau menggantikan mana-mana harta benda Peserta Takaful hendaklah, atas perbelanjaan sendiri, menyediakan untuk pihak Syarikat pelan, spesifikasi, ukuran, kuantiti, dan butiran lain yang mungkin pihak Syarikat perlukan dan tiada tindakan yang dilakukan, atau berlaku kerana pihak Syarikat dengan matlamat untuk memulihkan atau menggantikan boleh dianggap sebagai pilihan binaan oleh pihak Syarikat untuk memulihkan atau menggantikan.

Jika dalam apa jua keadaan, pihak Syarikat tidak dapat memulihkan atau memperbaiki harta yang dilindungi, disebabkan oleh sebarang peraturan perbandaran atau peraturan lain yang berkuat kuasa membabitkan penajaran jalan, atau pembinaan bangunan, atau yang lain, pihak Syarikat akan, dalam apa jua keadaan, hanya bertanggungjawab untuk membayar jumlah yang diperlukan untuk memulihkan atau memperbaiki harta benda tersebut jika ia boleh dipulihkan kepada keadaan asalnya secara sah di sisi undang-undang.

18. NILAI PASARAN

Pihak Syarikat akan memberikan gantirugi Peserta Takaful nilai yang dilindungi atau Nilai Pasaran bagi harta yang dilindungi yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang Ekses.

Nilai Pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh pihak Syarikat daripada:

- (a) Pembuat,
- (b) Ejen tunggal yang sah atau ejen,
- (c) Broker yang sah, pengedar yang sah,
- (d) Kontraktor bangunan,
- (e) Penyelaras kerugian berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, atau
- (f) Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 yang dilantik secara bersama di antara Peserta Takaful dan pihak Syarikat.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap pihak Syarikat.

19. SUBROGASI

Pihak Syarikat berhak untuk melaksanakan di atas nama Peserta Takaful dan bagi pihak Peserta Takaful:

- (a) pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- (b) mendapatkan kembali pampasan atau gantirugi dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.

di atas perbelanjaan dan manfaat pihak Syarikat sendiri.

20. PURATA

Jika Nilai Pasaran harta yang dilindungi pada masa sebarang kerugian berlaku, secara kolektif memiliki nilai yang lebih besar daripada Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, maka Peserta Takaful hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang dilindungi.

21. PENGEMBALIAN SEMULA AMAUN PERLINDUNGAN

Sekiranya berlaku kerugian, Takaful di bawah ini akan dikuat kuasakan pada Amaun Perlindungan yang penuh dan Peserta Takaful bertanggungjawab untuk membayar Sumbangan Takaful tambahan pada kadar yang dinyatakan di atas Sijil Takaful yang akan dikira berdasarkan jumlah kerugian pro rata dari tarikh kerugian hingga ke tamat Tempoh Takaful semasa.

22. PENIMBANGTARAAN

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai jumlah kerugian dan kerosakan di antara Peserta Takaful dan pihak Syarikat, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh Peserta Takaful dan pihak Syarikat. Jika Peserta Takaful dan pihak Syarikat tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua (2) bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak Peserta Takaful dan pihak Syarikat layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang Wasit untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan anugerah hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat anugerah.

Peserta Takaful dan pihak Syarikat dengan jelas bersetuju bahawa anugerah oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum Peserta Takaful boleh memulakan prosiding guaman terhadap pihak Syarikat.

23. PENGEHADAN

Dalam apa jua keadaan, Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan setelah berlakunya kerugian atau kerosakan melainkan tuntutan tertakluk kepada tindakan yang akan diambil atau penimbangtaraan.

24. PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL

Pembayaran Sumbangan Takaful oleh Peserta Takaful seperti yang diterangkan di dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) di mana pihak Syarikat diberi kuasa untuk mengurus mengikut prinsip Wakalah sebagaimana yang ditakrif oleh pihak Syarikat dan berlandaskan prinsip Syariah. Pihak Syarikat akan mengenakan 44% daripada Sumbangan Takaful sebagai yuran Wakalah sekali gus pada permulaan tempoh Sijil Takaful dan baki Sumbangan Takaful akan ditempatkan di dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' bagi membantu Peserta Takaful lain yang ditimpa musibah.

25. LEBIHAN

Pada setiap akhir tahun kewangan, Aktuari akan menilai kedudukan lebihan di dalam Dana Risiko, untuk memelihara kemampunan dana untuk jangka panjang. Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.

Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang di nyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Caj ke atas pembiayaan ini hendaklah diambil kira terlebih dahulu bila mana lebihan diperolehi pada masa hadapan.

Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaihan pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pindahan tanpa syarat (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

26. KEPATUHAN DAN KETEPATAN TERHADAP SYARAT-SYARAT

Mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan Endorsmen yang terkandung di dalam Sijil Takaful setakat mana ia berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu dilaksanakan atau dipatuhi oleh Peserta Takaful adalah tanggungjawab Peserta Takaful, dan ketelusan di dalam pernyataan mahupun perakuan di dalam Cadangan menjadi pra-syarat untuk sebarang pembayaran pampasan oleh pihak Syarikat.

27. UNDANG-UNDANG

Sijil Takaful ini termasuk semua Cadangan dan Jadual adalah tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia atau perundangan subsidiari lain, peraturan, arahan atau perintah daripada penguasa peraturan lain.

28. MASA

Masa, di mana-mana jua disebutkan di dalam Sijil Takaful ini, menjadi intipati perjanjian.

29. CUKAI

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

DEFINISI

Di bawah Sijil Takaful ini:

1. **“Manfaat”** bermaksud Amaun Perlindungan yang akan dibayar oleh pihak Syarikat daripada Dana Risiko apabila berlakunya tuntutan di bawah Sijil Takaful ini berdasarkan kepada Manfaat yang tertera di dalam Jadual.
2. **“Pihak Syarikat”** adalah Takaful Ikhlas General Berhad, penggantinya atau pemegang serah hak.
3. **“Susut Nilai”** bermaksud pengurangan dalam nilai barangan atau harta akibat Haus dan Lusuh.
4. **“Endorsmen”** bermaksud perubahan bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had Sijil Takaful yang ditunjukkan di dalam Jadual.
5. **“Ekses”** bermaksud jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful terhadap tuntutan sebelum pihak Syarikat membayar. Jumlah ini akan dinyatakan di dalam Jadual atau pada apa-apa Peril Pilihan.

6. **“Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA)”** Akaun di mana sumbangan takaful awal Peserta Takaful untuk produk Takaful Am dibuat.
7. **“Gantirugi”** bermaksud meletakkan Peserta Takaful kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebagaimana sebelum kerugian tanpa membuat tuntutan lebih daripada apa yang dilindungi oleh Sijil Takaful.
8. **“Nilai Pasaran”** bermaksud nilai ke atas harta yang dilindungi pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana Haus dan Lusuh dan/atau Susut Nilai.
9. **“Peril”** bermaksud risiko khusus atau sebab kerugian / kerosakan kepada harta yang dilindungi.
10. **“Tempoh Takaful”** bermaksud Tempoh Takaful yang tertera di dalam Jadual.
11. **“Barangan Peribadi”** bermaksud barangan peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaannya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan, dompet.
12. **“Premis”** bermaksud tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam Jadual di mana bangunan itu dibina.
13. **“Cadangan”** bermaksud borang cadangan yang telah ditandatangani oleh Peserta Takaful dan segala maklumat yang diberikan kepada pihak Syarikat oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Peserta Takaful.
14. **“Qard”** bermaksud kontrak pinjaman wang dimana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
15. **“Dana Risiko”** bermaksud dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan peserta-peserta Takaful.
16. **“Jadual”** bermaksud Jadual Sijil Takaful di mana kedua-dua butiran yang dilindungi dan Amaun Perlindungan dinyatakan.
17. **“Amaun Perlindungan”** bermaksud jumlah yang Peserta Takaful telah melindungi ke atas harta Peserta Takaful seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual.
18. **“Tabarru’”** bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko.
19. **“Takaful”** bermaksud suatu skim berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada Peserta Takaful jika diperlukan yang dengannya Peserta Takaful sama-sama bersetuju untuk memberi Sumbangan Takaful bagi maksud itu.
20. **“Perniagaan Takaful”** bermaksud urusanniaga berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
21. **“Sijil Takaful”** bermaksud terdiri daripada semua Cadangan dan Jadual yang dilampirkan bersama dengan Sijil Takaful ini hendaklah menjadi pelengkap antara satu sama lain
22. **“Sumbangan Takaful”** bermaksud sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful yang dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menyertai pelan Takaful.
23. **“Peserta Takaful”** bermaksud individu yang tertera namanya di dalam Jadual sebagai “Peserta Takaful”.
24. **“Wakalah”** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, Kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.
25. **“Haus dan Lusuh”** bermaksud kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau penyelenggaraan yang kurang.

SIJIL TAKAFUL INI DAN SEMUA SYARAT HENDAKLAH DITELITI SEBAIK SAHAJA DITERIMA OLEH PESERTA TAKAFUL DAN JIKA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN DENGAN SEGERA UNTUK PEMBETULAN. DAN LANGGANAN YANG BERTERUSAN OLEH PESERTA TAKAFUL TERHADAP PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL INI DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN DAN PERSETUJUAN PESERTA TAKAFUL UNTUK DIIKAT DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SIJIL TAKAFUL INI.

NOTIS PENTING

Kami amat prihatin dengan perkhidmatan yang kami berikan kepada pelanggan kami, dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan kami untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan kami. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di pihak kami, sila utarakan kepada kami melalui:

**Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Tel: +603-27239696
Faks: +603-27239998
Emel: complaints@takaful-ikhlas.com.my

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

**Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tingkat 9, Menara 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Untuk perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kami akan memastikan masalah anda dikaji secara komprehensif. Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka anda boleh merujuk kes anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari hari pihak Syarikat membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P) Tingkat 14, Blok Utama Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. Tel : 03-2272 2811 Faks: 03-2272 1577 Emel: enquiry@ofs.org.my Laman sesawang: www.ofs.org.my	Contact Centre (BNMTELELINK) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia Peti Surat 10922 50929 Kuala Lumpur Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) Fax : 03-21741515 E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my
--	---